

10/12/1997

DAP sokong tidak mohon bantuan IMF

DAP semalam bersetuju dengan Perdana Menteri, Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad bahawa negara perlu mengelak daripada memohon bantuan daripada Tabung Mata Wang Antarabangsa (IMF) kerana ia memberi kesan kepada kos ekonomi yang perlu ditanggung.

Lim Guan Eng (DAP-Kota Melaka), berkata menerima IMF bermakna membuka sektor kewangan kepada institusi kewangan asing; menaikkan kadar faedah yang mengakibatkan kos lebih tinggi serta menjejaskan pembangunan ekonomi; serta menaikkan kadar cukai dan mengurangkan perbelanjaan untuk mengurangkan defisit semasa.

Pada masa yang sama, beliau melahirkan kebimbangan kesan kejatuhan nilai ringgit menyebabkan Bursa Saham Kuala Lumpur (BSKL) lumpuh.

"Kemerosotan nilai saham memaksa penjualan hartanah untuk menebus balik kerugian dalam pasaran saham.

"Kalau kesan kehilangan besar BSKL berjangkit kepada sektor hartanah, ia mungkin menggugat kestabilan bank dan institusi kewangan kerana banyak bank dan institusi kewangan komited besar ke atas pinjaman hartanah," katanya ketika membahaskan Rang Undang-Undang Kewangan (No 2) 1997 di Dewan Rakyat semalam.

Guan Eng turut meminta kerajaan memberi lebih perhatian kepada masalah peniaga kecil dan serhana. Dana RM1 bilion yang diwujudkan oleh kerajaan, dakwanya, tidak berkesan kerana tidak akan membantu mereka yang menghadapi kesulitan mengutip pembayaran.

Beliau yang juga Timbalan Setiausaha Agung DAP, mempersoalkan mengapa harga petroleum tidak diturunkan selepas penurunan cukai pendapatan petroleum dan duti eksport minyak mentah yang membolehkan Petronas dan syarikat minyak lain menikmati durian runtuh RM608.3 juta.

Mengenai gaji, Guan Eng meminta kerajaan tidak membekukan gaji golongan pekerja rendah dan sederhana kerana itu akan mengurangkan kemampuan mereka menyara keluarga dalam keadaan ekonomi yang meleset sekarang dan inflasi yang dijangka lebih teruk tahun depan.

"Sungguhpun gaji mereka hanya dibekukan, tetapi jika inflasi meningkat, sebarang pembekuan gaji adalah sama dengan penurunan gaji. Oleh itu, gaji mereka harus dinaikkan supaya mereka dapat mengikuti kenaikan inflasi yang disebabkan oleh penurunan nilai ringgit," katanya.

(END)